CHIN CHONG NANG

lwn.

MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI, MALAYSIA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
ABDUL HAMID MOHAMED PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO. 44-108-90]
7 MAC 1991

TAHANAN PENCEGAHAN: *Perintah tahanan - Laporan lengkap penyiasatan - Kepada Menteri atau Kementerian - Pemfailan afidavit oleh pegawai - Memahami isi kandungan dokumen - Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, ss. 3(1), (2), (3), 5(1), 6(1).*

Timbalan Menteri Dalam Negeri telah mengeluarkan perintah tahanan kepada pemohon C di bawah s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (Akta tersebut). C berhujah bahawa:

(a) Seksyen 3(3) Akta tersebut tidak dipatuhi kerana laporan di bawah s. 3(3) tidak dihantar kepada Menteri Dalam Negeri tetapi kepada Kementerian Dalam Negeri;

(b) pegawai yang membuat penyiasatan tidak memfail afidavit mengatakan beliau menyebabkan laporan itu dihantar kepada Menteri dan pegawai siasatan;

(c) pegawai polis yang menterjemahkan isi kandungan perintah tahanan dan alasan-alasan serta tuduhan-tuduhan tidak memfailkan afidavit mengatakan beliau menterjemahkan isi kandungan dokumen-dokumen itu kepada pemohon.

Diputuskan:
[1] Sama ada laporan itu dihantar kepada Kementerian Dalam Negeri atau kepada Menteri Dalam Negeri akibatnya sama sahaja; apatah lagi apabila Timbalan Menteri mengesahkan menerimanya.

[2] Mengenai alasan (b) di atas, adalah memadai untuk laporan di bawah s.3(3) Akta tersebut dikemukakan dan pegawai tersebut, di dalam afidavitnya, telah menyatakan bahawa laporan tersebut telah dikemukakan kepada pegawai siasatan dan kepada KDN.

[3] Tujuan menterjemah ialah supaya C faham dan C telah mengakui bahawa dia memahami isi kandungan dokumen-dokumen itu. Tambahan lagi, C tidak memfail apa-apa afidavit mengatakan bahawa tidak faham atau tiada penterjemahan dibuat.

[Permohonan C di tolak.]

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act (Special Preventive Measures) 1985, ss. 3(1), (2), (3), 5(1), 6(1)

Bagi pihak pemohon - Karpal Singh; T/n. Karpal Singh & Co.
Bagi Pihak Responden - Jalaldin bin Hussain, Peguam Kanan Persekutuan

[**Nota Pengarang:** Pemohon telah merayu kepada Mahkamah Agung pada 5 Februari 1991]

ALASAN PENGHAKIMAN

Abdul Hamid Mohamed PK:

Pemohon ditangkap di bawah s. 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 pada 19 Mei 1990. Pada 17 Julai 1990, Timbalan Menteri Dalam Negeri mengeluarkan perintah tahanan di bawah s. 6(1) Akta itu mengarahkannya ditahan selama dua tahun.

Alasan pertama yang dikemukakan oleh Encik Karpal Singh, Peguam pemohon, bagi permohonan ini ialah bahawa peruntukan s. 3(3) Akta itu tidak dipatuhi. Seksyen 3(3) memperuntukkan:

> (3) Pegawai polis yang membuat penyiasatan berkaitan dengan seseorang yang ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini hendaklah menyebabkan satu salinan laporan lengkap penyiasatan itu dikemukakan:
>
> (a) kepada seseorang pegawai siasatan yang dilantik di bawah subseksyen (1) s. 5; dan
>
> (b) kepada Menteri,
>
> dalam tempoh yang boleh ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Dalam kes ini Pemangku Pesuruhjaya Kanan Polis II, Osman bin Awal, seorang pegawai yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara di bawah s. 3(2) Akta itu mengatakan dalam afidavitnya bahawa satu "laporan penuh siasatan" telah dikemukakan kepada pegawai siasatan dan kepada Kementerian Dalam Negeri. Timbalan Menteri Dalam Negeri memfailkan afidavit yang, antara lain, membawa inferensi bahawa beliau menerima laporan-laporan daripada pihak polis.

Hujah Encik Karpal Singh yang pertama ialah laporan itu sepatutnya dihantar kepada Menteri Dalam Negeri dan bukan kepada Kementerian Dalam Negeri. Dalam penghakiman saya, hujah ini tidak berasas. Sama ada laporan itu dihantar kepada Kementerian Dalam Negeri atau kepada Menteri Dalam Negeri akibatnya sama sahaja. Apatah lagi apabila Timbalan Menteri mengesahkan penerimaannya.

Seterusnya dihujahkan bahawa pegawai yang membuat penyiasatan tidak memfail afidavit mengatakan beliau menyebabkan laporan itu dihantar kepada Menteri dan pegawai siasatan. Mengikut Encik Karpal Singh afidavit pegawai itu hendaklah difailkan.

Pada pandangan saya hujah ini sangat remeh dan tidak berasas. Apa yang penting ialah laporan itu dikemukakan dan telah dikemukakan oleh PPKPII Osman Awal. Dalam penghakiman saya, itu adalah memadai.

Alasan seterusnya ialah pegawai polis yang menterjemahkan isi kandungan perintah tahanan dan alasan-alasan serta tuduhan-tuduhan tidak memfailkan afidavit mengatakan beliau menterjemahkan isi kandungan dokumen-dokumen itu kepada pemohon.

Dalam hal ini sayugia diambil perhatian bahawa Inspektor Lee Fung Kee yang menyampaikan dokumen-dokumen itu kepada pemohon, memfail afidavit mengatakan isi kandungan dokumen-dokumen itu telah diterangkan olehnya dan diterjemahkan oleh Det. Konst. Ow Chai Teik kepada pemohon.

Di mukasurat 2 perintah tahanan itu sendiri, jelas terdapat tandatangan dan butir-butir Det. Konst. Ow Chai Teik yang bertindak sebagai "jurubahasa" bagi menerangkan isi kandungan dokumen-dokumen itu kepada pemohon.

Pemohon juga mengaku bahawa dia faham isi kandungan dokumen-dokumen itu.

Tujuan menterjemah ialah supaya pemohon faham. Pemohon mengakui dia faham. Apa lagi yang hendak dipersoalkan?

Patut juga diambil perhatian bahawa pemohon sendiri tidak memfail apa-apa afidavit mengatakan beliau tidak faham atau tiada penterjemahan dibuat.

Afidavit sokongan yang diikrar oleh ibu pemohon juga mengatakan demikian malah afidavitnya sangat umum.

Afidavit sokongan sepatutnya menyebut dengan jelas apakah alasan-alasan bagi permohonan itu. Ini akan membolehkan pihak responden tahu apa yang perlu dijawab. Adalah tidak adil cuma menyebut alasan-alasan yang umum, kemudian, semasa berhujah mengatakan afidavit itu dan ini tidak difail oleh responden. Saya tidak fikir Mahkamah patut membiarkan pemohon berbuat demikian. Kepentingan keadilan bukan untuk sebelah pihak sahaja.

Permohonan ditolak.

Also found at [1991] 2 CLJ 1126